

12 NOV 1996

Raja Ariffin-Jawatan

RAJA ARIFFIN SERAH SURAT LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman hari ini memberitahu bahawa beliau sudah menyerahkan surat perletakan jawatannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya beliau menyerahkan surat perletakan jawatan itu selepas Perhimpunan Agung Umno bulan lepas dan setakat ini masih belum menerima sebarang jawapan rasmi daripada Dr Mahathir.

Ditanya mengenai sebab beliau meletakkan jawatan, Raja Ariffin berkata: "Adalah sebab-sebab peribadi. Saya hendak melakukan sesuatu yang lain daripada tugas-tugas dalam kerajaan dan saya hendak bersara daripada jawatan Timbalan Menteri. Itu sahaja.

"Perjuangan politik saya masih diteruskan dan saya masih lagi Ketua Umno Bahagian Baling dan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Mengenai khabar angin bahawa beliau meletakkan jawatan bagi memberi laluan kepada Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dilantik sebagai anggota pentadbiran kerajaan, beliau berkata: "Itu tanggungjawab Perdana Menteri untuk melantik sesiapa."

Pada 9 Nov lepas, seorang pembantu Raja Ariffin memberitahu dalam satu kenyataan di Alor Setar bahawa Raja Ariffin sudah menyerahkan surat perletakan jawatan kepada Dr Mahathir.

Bagaimanapun, tidak diketahui bilakah perletakan jawatan itu akan berkuatkuasa.

-- BERNAMA

HS AHH